



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2022/10/24\_78 (HQ)

### TNB RANGKUL ANUGERAH EMAS SSON ASIA IMPACT AWARDS 2022

- Dinobat antara Top 20 Most Admired Shared Services Organisations (SSOs) & Global Business Services (GBS) 2022 dunia

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** melalui TNB Global Business Solutions (TGBS) merangkul pengiktirafan tertinggi Anugerah Emas bagi Best Shared Services Team di majlis berprestij Shared Services & Outsourcing Network (SSON) Asia Impact Awards, pada 19 Oktober 2022.

TGBS mengatasi 11 syarikat gergasi lain seperti Coca-Cola Japan Business Services, British American Tobacco, PepsiCo, Otis Worldwide dan Boston Scientific dalam senarai pendek akhir calon Best Shared Services Team (kategori utama) sesi penganugerahan tersebut.

Anugerah tersebut adalah pencapaian terbaik TGBS yang menempa nama empat tahun berturut-turut di SSON Asia Impact Awards dalam beberapa kategori mulai tahun 2019. Ini hanya selepas setahun penubuhan di bawah inisiatif Reimagining TNB bagi mengurus keperluan pelbagai warga kerja secara berpusat.

Ketua Pegawai Global Business Solutions TNB (TNB Chief Global Business Solutions Officer), Ahmad Hushairi Ibrahim menyifatkan anugerah itu adalah pengiktirafan kepada TNB keseluruhannya yang menyokong perkhidmatan diberikan oleh Bahagian berkenaan dan komitmen warga kerja TGBS membangunkan perkhidmatan cekap dalam tempoh singkat.

“Anugerah ini adalah sebagai bukti dedikasi, usaha dan semangat kerjasama warga TNB bagi mendapatkan hasil yang cemerlang dalam mendukung aspirasi menjadi pembekal terunggul bagi solusi tenaga mampan di Malaysia dan Antarabangsa,” katanya selepas menerima anugerah itu, di Singapura.

Di majlis itu juga, TNB turut dinobatkan antara Top 20 Most Admired Shared Services Organisations (SSOs) & Global Business Services (GBS) 2022 di dunia. Syarikat lain termasuklah Takeda, DHL, TESCO, Siemens, Qatar Airways, Kimberly-Clark, Celestica, Mars, Lexmark dan Woolworths Group, bertaraf multi-nasional dan antarabangsa.

TGBS turut mendapat sebutan penghormatan bagi kategori Business Transformation Impact Award dan Change Management Impact Award.

Tahun lalu, TGBS menerima pengiktirafan dalam tiga kategori di SSON Asia Impact Awards iaitu satu perak dan dua sebutan penghormatan (*honorary mention*). TGBS juga mendapat dua sebutan penghormatan lain pada dua tahun sebelum ini.

SSON Asia Impact Awards adalah anugerah industri tahunan peringkat global yang memberi penghormatan kepada perkhidmatan perniagaan dan pemimpin perniagaan yang memanfaatkan teknologi serta amalan terbaik dalam meningkatkan kecekapan operasi.

Menurut Ahmad Hushairi, kejayaan berterusan dalam penilaian SSON itu mengukuhkan lagi komitmen TNB terhadap agenda pembangunan mampan yang selari kepentingannya kepada Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG).

“Pengiktirafan ini juga merupakan satu langkah lagi untuk TGBS meningkatkan nilai menerusi penawaran perkhidmatannya kepada syarikat dan organisasi di luar TNB, selain meningkatkan kecekapan dalaman,” katanya.

Hadir sama bagi mengiringi Ketua Pegawai Global Business Solutions TNB, adalah Ketua (Strategy & Transformation), Yasmin Mohd Ramzi dan Ketua (Business Strategy, Performance & Governance), Azlan Sani Md Morshid.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 24 Oktober 2022, jam 11:00 pagi**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /*

*Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606*

*atau emel kami: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*



Ketua Pegawai Global Business Solutions TNB (TNB Chief Global Business Solutions Officer),  
Ahmad Hushairi Ibrahim